

Sinar Harian 17/5/2018 M15 27

## Rebut peluang kursus ternak lobster

PASIR PUTEH - Syarikat yang diiktiraf sebagai Pusat Latihan Kemahiran oleh Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja bersedia melatih remaja, malah sentiasa bersedia menerima sesiapa sahaja yang berminat dengan bidang penternakan dan pembenihan akuakultur.

Semerak Jaya Agrotech yang berpusat di Kampung Cherang Ruku dekat sini, melatih berpuluhan lepasan sekolah setahun menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan harapan peserta mengembangkan kemahiran itu bagi menjana pendapatan.

Pengurusnya, Mohd Afandi Mahamad berkata, peserta dide dahkan dengan kemahiran dalam penternakan dan pembenihan udang karang atau lobster air tawar kerana ia merupakan projek berdaya maju yang jarang dicubri.

Katanya, lobster air tawar atau *redclaw crayfish* merupakan baka dari Australia dan Papua New Guinea yang diluluskan Jabatan Perikanan untuk penternakan.

"Hidupan ini bukan sahaja mendapat permintaan tinggi kerana dijadikan hidangan eksotik dan mewah, harganya mencecah RM120



Mohd Afandi (dua, kanan) menunjukkan induk lobster air tawar yang diternak dalam tangki di Semerak Jaya Agrotech.

sekilogram untuk yang hidup dan RM60 untuk yang dibekukan.

"Dalam setiap tangki penternakan, biasanya 100 lobster boleh diternak. Ia membesar sehingga tiga inci dalam tempoh empat bulan dan setiap seekor lobster bersaiz tiga inci menghasilkan antara 200 hingga 250 telur," katanya.

Menurutnya, induk lobster air tawar boleh membesar sehingga 14 inci yang menghasilkan sehingga 1,000 telur.

"Tempoh tuaian adalah dua kali sebulan dan dari warna telur, dapat diketahui tempoh ia menetas," katanya.

Mohd Afandi berkata, penternak perlu menyedia-

kan sarang atau tempat persembunyian yang diperbuat daripada paip plastik, selain mengetahui dietnya iaitu ikan atau sayuran.

Semerak Jaya Agrotech juga katanya, bersedia mengendalikan kursus jangka pendek kepada mereka yang berminat secara berkelompok antara 20 hingga 30 orang dalam satu masa dan meminta orang ramai yang berminat menghubunginya di talian 012-9545538 untuk pertanyaan lanjut.

Katanya, jika tidak ada apa-apa halangan, syarikatnya akan mengambil 20 peserta lagi untuk mengikuti kursus selama sembilan bulan bermula Jun depan.